**LAMPIRAN I**

**GARISPANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PERMIT SEMENTARA (BAGI TUJUAN PERNIAGAAN DAN BUKAN PERNIAGAAN)**

1. Permit sementara adalah dibenarkan untuk tujuan berikut iaitu :-

    - Ekspo/karnival yang berunsurkan perniagaan di atas tapak hakmilik, kawasan awam yang diselenggara oleh Majlis atau di dalam bangunan seperti dewan.
    - Premis perniagaan yang bercadang mengadakan majlis pembukaan kedai dengan syarat telah mempunyai lesen atau telah memohon lesen perniagaan
    - Premis yang mengadakan promosi sempena ulangtahun pembukaan kedai.
    - Promosi jualan murah dengan syarat mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
    - Promosi sempena musim perayaan yang dipertimbangkan iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidil Fitri, Deepavali, Hari Natal, Hari Raya Aidil Adha dan Thaipusam.
    - Pemasangan khemah bagi tujuan majlis perasmian pembukaan pejabat pengurusan/institusi kewangan dan sebagainya
    - Pemasangan khemah bagi tujuan majlis jamuan makan/perkahwinan dan sebagainya.

2. Penganjuran ekspo/karnival bersama ‘funfair’ atau pertunjukan pentas hendaklah mendapat kelulusan Lesen Hiburan Awam daripada Pejabat Daerah Manjung.

3. Permohonan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya **2 minggu sebelum tarikh** aktiviti hendak dijalankan.

4. Tempoh maksima yang boleh dipertimbangkan ialah **30 hari (bagi ekspo/karnival jualan/funfair) dan 14 hari (bagi promosi/permit sementara di hadapan kedai)**

5. Kelulusan permit sementara / promosi di hadapan premis kedai hanya dibenarkan **3 kali sahaja dalam tempoh setahun.**

6. Jumlah khemah yang dibenarkan bagi permit di hadapan premis kedai adalah **3 unit sahaja** bagi bersaiz 20 kaki x 20 kaki (atau jumlah khemah yang sama ukuran 20 kaki) dan **jenis jualan hendaklah sama seperti aktiviti perniagaan**

**7.** Pertimbangan permit sementara yang melibatkan jalan awam hanya akan diberikan **bagi jalan susur yang melebihi 40 kaki lebar sahaja.**

8. Barang jualan hendaklah bersesuaian dengan musim perayaan atau promosi yang dijalankan.

9. Penutupan jalan sepenuhnya tidak dibenarkan kecuali melibatkan majlis perasmian pejabat pengurusan/institusi kewangan/majlis perkahwinan untuk tempoh 1 hari sahaja.

10. Pemasangan kain rentang dan banting / strimmer perlu mendapat kelulusan Majlis dan mematuhi garispanduan lesen iklan sementara yang ditetapkan.

11. Khemah hendaklah dibuka sebaik tempoh kelulusan tamat.

**12. Mempamer kad kelulusan permit perniagaan sementara di khemah / kaki lima / bahagian yang mudah dilihat.**

**13. Bayaran perlu dijelaskan sebelum aktiviti dijalankan** dan kadar bayaran yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

| BIL. | PERKARA | HARGA | TEMPOH |
|---|---|---|---|
| 1. | Tempat letak kereta | RM4.50/sepetak | 1 hari |
| 2. | Permit perniagaan sementara | RM10.00/ 1 peniaga | 1 hari |
| 3. | Lesen pertunjukan bergerak | RM15.00 | 1 hari |
| 4. | Kain Rentang | RM20.00/ 1 unit | 1 bulan |
| 4. | Banting / strimmer | RM15.00/ 1 unit | 1 bulan |
| 5. | Bayaran perkhidmatan tong sampah armroll | RM200.00/1 unit | 1 hari |

14. Kadar bayaran bagi khemah / kontena adalah seperti jadual dibawah :-

| BIL. | TEMPOH | HARGA SEUNIT | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | 1 hari – 5 hari | RM 50.00 | Saiz 1 unit khemah adalah bersamaan minimum 20 kaki x 20 kaki<br>• *khemah 20 kaki x 10 kaki = 1 unit khemah*<br>• *khemah 20 kaki x 40 kaki = 2 unit khemah* |
| 2. | 6 hari | RM 70.00 | |
| 3. | 7 hari | RM 90.00 | |
| 4. | 8 hari | RM 110.00 | |
| 5. | 9 hari | RM 130.00 | |
| 6. | 10 hari | RM 150.00 | |
| 7. | 11 hari | RM 170.00 | |
| 8. | 12 hari | RM 190.00 | |
| 9. | 13 hari | RM 210.00 | |
| 10. | 14 hari | RM 230.00 | |
| 11. | 15 hari | RM 250.00 | |
| 12. | 16 hari | RM 270.00 | |
| 13. | 17 hari | RM 290.00 | |
| 14. | 18 hari | RM 310.00 | |
| 15. | 19 hari | RM 330.00 | |
| 16. | 20 hari | RM 350.00 | |
| 17. | 21 hari | RM 370.00 | |
| 18. | 22 hari | RM 390.00 | |
| 19. | 23 hari | RM 410.00 | |
| 20. | 24 hari | RM 430.00 | |
| 21. | 25 hari | RM 450.00 | |
| 22. | 26 hari | RM 470.00 | |
| 23. | 27 hari | RM 490.00 | |
| 24. | 28 hari | RM 510.00 | |
| 25. | 29 hari | RM 530.00 | |
| 26. | 30 hari | RM 550.00 | |

15. Semua syarat dan kelulusan yang ditetapkan di dalam garis panduan ini adalah tertakluk kepada kuasa Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung

**16.** Garispanduan dan syarat-syarat ini diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pelesenan pada **18 November 2009** dan berkuatkuasa pada tarikh kelulusan.